



Kepada Semua Pegawai Pengawal,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 6 TAHUN 2007**

***KAWALAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN  
PEMBIAYAAN NEGERI***

**Tujuan**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan dan memberi penekanan kepada kawalan pelaksanaan projek-projek pembangunan pembiayaan Negeri.

**Agihan Peruntukan Pembangunan**

2. Melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2007 berkaitan Pengurusan Bajet 2007 telah dijelaskan mengenai peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam pengurusan bajet 2007, yang mencakupi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Terdapat 9 jabatan khususnya yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan pembiayaan Negeri.

3. Waran peruntukan pembangunan telah dikeluarkan pada awal tahun semasa dalam jumlah yang sama seperti diluluskan dalam Buku

Bajet. Di samping kelulusan peruntukan, Jabatan Kewangan Negeri (JKN) juga mengemukakan senarai terperinci projek-projek pembangunan yang diluluskan kepada semua 9 jabatan pembangunan terlibat bagi membolehkan Pegawai Pengawal memulakan pelaksanaan projek menurut jadual dan bagi memastikan bahawa nilai wang (value for money) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan akan dapat menghasilkan output maksimum dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

### **Isu Kawalan Projek Pembangunan**

4. Senarai projek pembangunan yang diluluskan perbelanjaan dalam tahun semasa telah mengambil kira perancangan pelaksanaan projek seperti mana dimohon dan dikemukakan oleh jabatan sendiri semasa pemeriksaan anggaran bajet. Walau bagaimanapun, masih terdapat amalan di mana jabatan-jabatan menukar dan meminda projek yang diluluskan dan mencadangkan projek-projek lain yang bukan dalam skop perancangan awal serta mengeluarkan waran peruntukan kecil kepada jabatan teknikal tanpa merujuk permohonan Notis Perubahan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan JKN.

### **Kawalan dan Pengurusan Projek Pembangunan**

5. Dalam melaksanakan projek pembangunan, tatacara berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya, iaitu:

- (i) Perancangan untuk pelaksanaan projek telah siap, lengkap dengan jadual kerja serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti berdasarkan

*Preliminary Detailed Abstract* projek dan telah mendapat kelulusan UPEN;

- (ii) Skop projek yang akan dilaksanakan telah dirujuk kepada jabatan teknikal dan telah mendapat jawapan bertulis tentang kesanggupan pelaksanaan projek menurut jadual; dan
- (iii) Anggaran kos projek telah dibentangkan dalam pemeriksaan bajet dan diluluskan dalam tahun berkaitan.

6. Sekiranya terdapat keperluan untuk perubahan atau pertukaran tajuk projek, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan projek menepati kriteria-kriteria berikut:

- (i) Projek yang pengambilan tanahnya telah selesai;
- (ii) Projek yang boleh menambah hasil dan pendapatan negeri;
- (iii) Projek yang boleh menambah peluang pekerjaan; dan
- (iv) Projek yang boleh memberi manfaat kepada kumpulan sasar yang ramai.

7. Cadangan perubahan atau pertukaran tajuk projek pembangunan perlulah mendapat pertimbangan dan kelulusan seperti berikut:

- (i) Perubahan atau pertukaran tajuk projek pembangunan pada sesuatu butiran dalam Maksud Pembangunan yang tidak melibatkan pindahan peruntukan perlu mendapat pertimbangan dan perakuan Notis Perubahan daripada UPEN, dan kelulusan JKN, sebelum projek bermula; dan

(ii) Cadangan perubahan atau pertukaran tajuk projek pada sesuatu butiran dan di antara butiran-butiran dalam Maksud Pembangunan yang melibatkan pindahan peruntukan perlu terlebih dahulu dikemukakan kepada UPEN untuk pertimbangan dan perakuan, dan seterusnya kelulusan JKN. Sekiranya diluluskan, JKN akan mengeluarkan Waran Pindahan Peruntukan bagi projek pembangunan terlibat sebelum projek boleh bermula.

8. Bagi jabatan-jabatan yang telah diluluskan Waran Pindahan Peruntukan dan seterusnya pula mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil untuk pelaksanaan projek, tanggungjawab untuk memastikan projek tersebut disiapkan mengikut jadual terletak kepada Pegawai Pengawal dan bukan hanya kepada jabatan teknikal yang diberi kuasa untuk melaksanakan projek tersebut.

### **Tarikh Kuatkuasa**

9. Pegawai Pengawal hendaklah menerima pakai Surat Pekeliling ini bersama-sama dan selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2007 Pengurusan Bajet 2007 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



[ **DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF** ]

Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 5 Mac 2007

**s.k.:** Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri,  
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Seri Timbalan Ketua Menteri,  
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
Pulau Pinang.